

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Rujukan Fail: ISO9001:2015	LAPORAN KETAKAKURAN (NON-CONFORMITY REPORT) Klasifikasi : Minor Standard : MS ISO 9001: 2022	Tarikh Audit : 28 Julai 2022
Jenis Audit: Audit Dalaman		

Nama Jabatan/Fakulti/Pusat/Institut/Unit: Hospital Universiti Malaysia Sabah (FSSK)
Bahagian 1 - Butiran Ketakkuran Keperluan: Klausa 7.1.3 - Prasarana Organisasi hendaklah menentukan, menyediakan dan menyelenggara infrastruktur yang diperlukan bagi operasi proses-prosesnya dan untuk mencapai pematuhan produk dan perkhidmatan Penemuan: Perancangan penyelenggaraan berkala ke atas aset berdaftar tidak dilaksanakan dan hanya bersifat reaktif tanpa diadakan mesyuarat/perbincangan rasmi untuk menentukan tindakan berkaitan. Bukti Penemuan: 1. Fail laporan aset FSSK - senarai aset tidak lengkap serta tidak ada pembuktian perancangan penyelenggaraan berkala. KEWPA 10/11/13. 2. Pemeriksaan fizikal oleh auditor - Siling mesyuarat berkulat akibat kelembapan titisan air ducting penghawa dingin.(pemeriksaan fizikal)/ dinding berkulat di kebanyakan lokasi bangunan yang diperiksa secara fizikal - aduan kepada JPP melalui TAMS (REQ-2022-12564) hanya dibuat setelah diingatkan oleh auditor. Label rekod penyelenggaraan (kontraktor) pemadam api tidak dikemaskini (pemeriksaan fizikal), tarikh luput Mei 2022 - tidak dikemaskini tarikh kontraktor menyelenggarakan pemadam api walaupun ada stiker kelulusan bomba - pengesahan daripada pihak JPP masih belum diperolehi. 3. Petikan minit mesyuarat kewangan Bil1/2022, 5 Januari 2022 dikemukakan sebagai bukti tindakan perancangan - walaubagaimanapun perkara 3.2 dalam petikan minit mesyuarat tersebut hanyalah laporan berkenaan perbelanjaan B28000 dan tidak menunjukkan inisiatif perancangan penyelesaian masalah berkait penyelenggaraan bangunan ataupun aset tanggungjawab PTJ. Auditor : _____ Nama: YANG SOO SIANG

Bahagian 2 - Keputusan hasil penyiasatan dan pengenalpastian punca

1. Pihak fakulti mengambil maklum mengenai dapatan Juruaudit. Walau bagaimanapun, untuk makluman sebelum ini pihak fakulti hanya melakukan pemantauan (tanpa jadual) dan penyelenggaraan hanya dilakukan ke atas aset yang perlu diselenggara atau didapati tidak berfungsi dengan baik.
2. Dinding berkulat sudah dicat di semua dinding-dinding bangunan fakulti.
3. Pemadam api sudah diselenggara oleh kontraktor JPP. Surat daripada pihak Bomba tentang pembaharuan tarikh luput juga sudah diperolehi dari pihak JPP.

Auditee:

Nama: FAIZUL AZAHAR BIN HJ ABDUL RANI

Bahagian 3 - Pelan Tindakan Pembetulan termasuk tarikh pelaksanaan

1. Senarai aset telah dikemaskini dan bagi tujuan penyelenggaraan, pemantauan aset secara berjadual (berkala) telah ditetapkan dan bagi tujuan penjimatan kos penyelenggaraan aset hanya akan dilakukan ke atas aset yang tidak berfungsi dengan baik atau perlu diselenggara.
2. Salinan surat pemeriksaan semula dari pihak Bomba sudah diperolehi dari pihak JPP kepada FSSK.

Auditee:

Nama: FAIZUL AZAHAR BIN HJ ABDUL RANI

Bahagian 4 - Verifikasi

Tindakan susulan telah diambil untuk menangani isu berkenaan.

Auditee:

Nama: FAIZUL AZAHAR BIN HJ ABDUL RANI

Disemak Oleh:

MASHILLA NILUS

Penutupan NCR : **Ya**

Tarikh : 07 September 2022